KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD			
TARIKH	:	10/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	KeTSA/ JPSM			

Hutan Simpan Kekal baharu diwarta di Mukim Petaling

Sinar Ahad,10 Okt 2021_7

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah mewartakan beberapa kawasan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) baharu di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

Antara yang diwartakan adalah kawasan seluas 23.83 hektar di mukim Petaling dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) sebagai HSK baharu di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).



TAKIYUDDIN

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, HSK diwartakan sebagai hutan perlindungan dan dikelaskan sebagai hutan penyelidikan, hutan lipur dan hutan pelajaran di bawah subseksyen 10 (1) serta diisytiharkan sebagai hutan tertutup di bawah Seksyen 45 Akta 313.

"HSK di Wilayah Persekutuan terletak di bawah bidang kuasa menteri yang bertanggungjawab bagi perhutanan.

"Pewartaan Hutan Simpan (HS) Sungai Besi (Tambahan) merupakan jenis hutan dipterokarp tanah pamah untuk menggantikan kawasan HS Bukit Sungei Puteh, Mukim Cheras, WPKL seluas 7.48 hektar.

"Ia diwarta keluar bagi pembangunan Lebuhraya Sungai Besi hingga Ulu Kelang (SUKE)," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Takiyuddin berkata, sebelum pewartaan HSK di WPKL, seluas 68.27 hektar daripada keluasan tanah WPKL meliputi HS Bukit Nanas (9.37 hektar), HS Bukit Sungei Puteh (14.51 hektar), HS Sungai Besi (42.29 hektar) dan HS Bukit Lagong Tambahan (2.10 hektar).

Beliau berkata, keluasan HS Sungai Besi (Tambahan) yang diwartakan adalah lebih besar daripada HS Bukit Sungai Puteh yang diwarta keluar.

"Penggantian HSK secara serentak meningkatkan kawasan hutan di WPKL kepada 0.35 peratus daripada keluasan tanah WPKL," ujarnya.